

02 OCT 2001

Rais-Czech

REPUBLIK CZECH SAMBUT BAIK CADANGAN MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 2 Okt (Bernama) -- Republik Czech menyambut baik cadangan Malaysia supaya Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) mengadakan satu persidangan bagi membincangkan isu keganasan.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Rais Yatim berkata Republik Czech tertarik dengan cadangan yang diutarakan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad itu.

Beliau berkata demikian dalam kenyataan media yang dikeluarkan di sini hari ini selepas menerima kunjungan hormat Menteri di Jabatan Perdana Menteri Republik Czech, Karel Brezina, di pejabatnya di Putrajaya.

Semasa perjumpaan itu Brezina menyatakan yang beliau akan mengemukakan perkara itu kepada kerajaannya memandangkan serangan ke atas New York dan Washington pada 11 Sept lepas telah mengubah secara mendadak pendekatan menentang keganasan, kata Rais.

Beliau berkata republik itu yang juga anggota Pertubuhan Perjanjian Atlantik Utara (NATO), akan mengusulkan cadangan mengenai persidangan bagi membincang isu keganasan, kepada pertubuhan itu.

Rais berkata Brezina juga bersetuju dengan pandangannya bahawa masyarakat antarabangsa perlu mempunyai satu sistem perundangan yang selaras untuk memerangi keganasan.

Peristiwa 11 Sept itu memerlukan satu bentuk kerjasama daripada segi penguatkuasaan undang-undang yang lebih jelas di peringkat antarabangsa, katanya.

Pada pertemuan setengah jam itu, Brezina dan Rais turut membincangkan isu undang-undang dan masalah dadah selain isu keganasan antarabangsa.

-- BERNAMA

HK AHH NMO